



# **SIARAN MEDIA**

## **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**



KBS : 24 /2025

### **SESI PERBINCANGAN MEJA BULAT BERSAMA PEMIMPIN BELIA PELBAGAI AGAMA BAGI MENANGANI MASALAH SOSIAL BELIA**

**29 APRIL 2025**

1. Menurut Kajian Indeks Belia Malaysia 2023 yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), skor 80.13 menunjukkan belia Malaysia mempunyai tahap kerohanian yang tinggi di mana membantu di dalam menangani isu kesihatan mental. Sehubungan itu, sesi perbincangan meja bulat (RTD) ini diadakan bagi membina jaringan dan perhubungan bersama pemimpin agama seterusnya membantu intervensi masalah sosial belia.
2. Dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, sesi RTD ini juga membincangkan isu-isu sosial yang semakin mencabar dalam kalangan belia Malaysia dengan mencerminkan keprihatinan kerajaan MADANI di dalam memastikan kesejahteraan belia diberikan keutamaan dan perhatian seiring dengan nilai-nilai MADANI iaitu kesejahteraan, keyakinan dan ihsan serta aspirasi yang terkandung di dalam Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030).
3. RTD ini telah membincangkan mengenai isu dan langkah intervensi bagi menangani masalah sosial belia dengan tiga fokus iaitu:
  - 3.1 mengiktiraf kepentingan kerjasama antara pemimpin agama dalam menangani isu sosial belia;
  - 3.2 menyerlahkan peranan pemimpin belia pelbagai agama sebagai ejen perubahan dalam komuniti masing-masing; dan

- 3.3 menekankan kepentingan perpaduan, sikap saling menghormati dan persefahaman yang tinggi dalam membentuk masa depan belia yang harmoni.
4. Sesi ini diselaraskan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) dengan kerjasama IYRES dan Majlis Belia Malaysia (MBM) disertai oleh pemimpin-pemimpin belia daripada pelbagai latar belakang agama serta wakil dari Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut (HARMONI) dan Jawatankuasa Harmoni MBM.
  5. Perbincangan ini turut melibatkan 40 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan pelbagai agama yang terdiri daripada badan-badan belia, institusi keagamaan dan pemimpin komuniti.
  6. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KBS, YBrs. Puan Chan Hong Jin.
  7. Sekiranya memerlukan maklumat lanjut dan terperinci mengenai sesi RTD ini, sila hubungi talian 03-8871 3744 atau e-mel [badrulnizam@kbs.gov.my](mailto:badrulnizam@kbs.gov.my).

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

